Menara Prisma	260,000																																																																																													
CP Tower	175,000																																																																																													
Maersk Warehouse	195,000																																																																																													
Lotus's Setia Alam	95,000																																																																																													
Wisma Consplant	205,000																																																																																													
Hospital Pakar Avisena	87,000																																																																																													
Dataran PHB Properties	149,000																																																																																													
Menara BT	165,000																																																																																													
PJ33	200,000																																																																																													
Blok C, Dataran PHB	20,000																																																																																													
Menara 1 Dutamas	250,000																																																																																													
One Precinct	120,000																																																																																													
Pusat Bali-belah The Shore	180,000																																																																																													
Menara 1 Sentrum	350,000																																																																																													
Nu Sentral	600,000																																																																																													
Hospital Gleneagles (Blok B)	120,000																																																																																													
Quill 18	400,000																																																																																													
Menara Teras	130,000																																																																																													
NU Empire	420,000																																																																																													
Hospital Pakar Damansara 2	300,000																																																																																													
Kolej Marlborough	350,000																																																																																													
Jumlah	4,771,000																																																																																													

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI
1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024 (SAMB.)

E. Perubahan Penting dalam Hal Ehwal Dana (samb.)

NO	PROPEKTUS PRINSIPAL (UTAMA)	PROSEKTUS TAMBAHAN KETIGA
	Kepentingan benefisial Aset Pajakan dipajak kembali kepada Penaja (dalam kapasitinya atau sebagai wakil kuasa bagi Ahli Gabungannya) (lihat Seksyen 2.3.4 di bawah untuk keterangan lanjut pajakan balik).	Kepentingan benefisial Aset Pajakan dipajak kembali kepada Penaja (dalam kapasitinya atau sebagai wakil kuasa bagi Ahli Gabungannya) (lihat Seksyen 2.3.4 di bawah untuk keterangan lanjut pajakan balik).
11.	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (I) LF Logistics Warehouse : Alamat: No.2, Jalan Tanjung Keramat 26/35, Seksyen 26, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Sewa Pajakan: Setahun RM3,800,000.00 Penyewa Utama dan Penerima Pajak Berdaftar: LF Logistics Services (M) Sdn Bhd Sekatan-sekatan: Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 31 Mei 2018; dan Nota: Kaveat persendirian tersebut dikemukakan semasa tempoh awal pajakan yang berakhir pada 30 November 2020. Tempoh Pajakan: 10 tahun bermula dari 1 Disember 2020	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (I) Maersk Warehouse : Alamat: No.2, Jalan Tanjung Keramat 26/35, Seksyen 26, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Sewa Pajakan: Setahun RM8,775,000.00 Penyewa Utama dan Penerima Pajak Berdaftar: LF Logistics Services (M) Sdn Bhd Sekatan-sekatan: 1. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 31 Mei 2018; dan 2. Pajakan seluruh tanah didaftarkan memihak kepada LF Logistics Services (M) Sdn Bhd bagi tempoh masa 12 tahun mulai dari 18 Ogos 2023 dan berakhir pada 17 Ogos 2035. Nota: Kaveat persendirian tersebut dikemukakan semasa tempoh awal pajakan yang berakhir pada 30 November 2020. Tempoh Pajakan: Bermula dari 1 Januari 2024 hingga 30 November 2029
12.	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (I) Wisma Consplant : Alamat: Wisma SS16/4, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan ("Wisma Consplant 1") and Wisma Consplant 2, No. 7, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan ("Wisma Consplant 2") Sewa Pajakan: Setahun RM7,750,000.00 Penyewa-penyewa Utama: Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Selangor, Hanson Quarry Products Sdn Bhd, Epson Malaysia Sdn Bhd, Bridgestone Tyre Sales (Malaysia) Sdn Bhd, Columbia Asia Healthcare Sdn Bhd, Assa Abloy Opening Solutions Malaysia Sdn Bhd, Ninja Logistics Sdn Bhd, NOL Global Services Centre Sdn Bhd dan Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (I) Wisma Consplant : Alamat: Wisma SS16/4, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan ("Wisma Consplant 1") and Wisma Consplant 2, No. 7, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan ("Wisma Consplant 2") Sewa Pajakan: Setahun RM9,225,000.00 Penyewa-penyewa Utama: Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Selangor, Hanson Quarry Products Sdn Bhd, Epson Malaysia Sdn Bhd, Bridgestone Tyre Sales (Malaysia) Sdn Bhd, Columbia Asia Healthcare Sdn Bhd, Assa Abloy Opening Solutions Malaysia Sdn Bhd, Ninja Logistics Sdn Bhd, NOL Global Services Centre Sdn Bhd dan Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024 (SAMB.)

E. Perubahan Penting dalam Hal Ehwal Dana (samb.)

NO	PROPEKTUS PRINSIPAL (UTAMA)	PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA
	Sekatan-sekatan: (a) Berkenaan dengan Wisma Consplant 1 - Pajakan sebahagian tanah seluas 306 kaki persegi yang didaftarkan pada 14 Julai 2000 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 15 Januari 1995 dan berakhir pada 14 Januari 2025; dan - Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 (b) Berkenaan Wisma Consplant 2 - Pajakan sebahagian tanah yang didaftarkan pada 7 Jun 1994 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 15 September 1993 dan berakhir pada 14 September 2023; dan - Kaveat didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 Tempoh Pajakan: 10 tahun bermula dari 7 Oktober 2013	Sekatan-sekatan: (a) Berkenaan dengan Wisma Consplant 1 - Pajakan sebahagian tanah seluas 306 kaki persegi yang didaftarkan pada 14 Julai 2000 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 15 Januari 1995 dan berakhir pada 14 Januari 2025; dan - Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 (b) Berkenaan Wisma Consplant 2 - Pajakan sebahagian tanah yang didaftarkan pada 7 Jun 1994 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 15 September 1993 dan berakhir pada 14 September 2023; dan - Kaveat didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 Tempoh Pajakan: Bermula dari 1 Januari 2024 hingga 16 Oktober 2023
13.	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan Jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (i) Menara Dutamas : Alamat: Menara 1 Dutamas @ Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur Sewa Pajakan: Setahun RM11,250,000.00 Penyewa-penyewa utama: China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd, Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Rosli Dahlan Saravana Partnership, China Communications Constructions (ECRL) Sdn Bhd, MyHSR Corporation Sdn Bhd dan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill Sekatan: Tiada Tempoh Pajakan: 10 tahun bermula dari 17 Oktober 2023	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan Jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (i) Menara Dutamas : Alamat: Menara 1 Dutamas @ Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur Sewa Pajakan: Setahun RM11,250,000.00 Penyewa-penyewa utama: Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Rosli Dahlan Saravana Partnership, China Communications Constructions (ECRL) Sdn Bhd, MyHSR Corporation Sdn Bhd dan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill Sekatan: Tiada Tempoh Pajakan: 10 tahun bermula dari 17 Oktober 2023
14.	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan Jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (i) Empire Shopping Gallery : Alamat: Empire Subang, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan Sewa Pajakan: Setahun RM21.0 million	Bab 2 – Maklumat Tentang AHB, seksyen 2.3.4 Pengaturan Jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja, Item (i) NU Empire : Alamat: Empire Subang, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan Sewa Pajakan: Setahun RM21,000,000.00

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI
1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024 (SAMB.)

E. Perubahan Penting dalam Hal Ehwal Dana (samb.)

NO	PROPEKTUS PRINSIPAL (UTAMA)	PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA
	Penyewa utama: Couture Homes Sdn Bhd Sekatan: Tiada Tempoh Pajak: 10 tahun bermula dari 15 September 2017	Penyewa-penyewa utama: Trendcell Sdn Bhd, Toys 'R' Us (Malaysia) Sdn Bhd, 3E Worldwide Sdn Bhd dan Mr. D.I.Y (Kuchai) Sdn Bhd Sekatan: Tiada Tempoh Pajak: 10 tahun bermula dari 15 September 2017
15.	Bab 2 – Maklumat tentang AHB, seksyen 2.3.10 Aku Janji Jualan, Aku Janji Bellan dan Aku Janji Penggantian, dalam perenggan kelima sub-seksyen (II) Bagi LF Logistics Warehouse yang Penajanya memilih untuk tidak menguatkuasakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju akan menguatkuasakan hak penawaran dahulu untuk memperoleh LF Logistic Warehouse yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak sedia ada, IDS Logistics Services (M) Sdn Bhd., Bagi Kolej Marlborough di mana Penaja atau Anggota Gabungannya memilih untuk tidak menguatkuasakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju bahawa ia akan menguatkuasakan hak penawaran tersebut untuk memperoleh Kolej Marlborough yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak sedia ada, M East Sdn Bhd.	Bab 2 – Maklumat tentang AHB, seksyen 2.3.10 Aku Janji Jualan, Aku Janji Bellan dan Aku Janji Penggantian, dalam perenggan kelima sub-seksyen (II) Bagi Kolej Marlborough di mana Penaja atau Anggota Gabungannya memilih untuk tidak menguatkuasakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju bahawa ia akan menguatkuasakan hak penawaran tersebut untuk memperoleh Kolej Marlborough yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak sedia ada, M East Sdn Bhd.
16.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Niaga, seksyen 10.5 Aku Janji Jualan, Item II, dalam perenggan keempat (ii) Empire Shopping Gallery: Opsyen-Panggilan telah diberikan untuk manfaat Couture Homes Sdn Bhd menurut atau berdasarkan perjanjian opsyen-panggilan bertarikh 1 Mac 2017 di antara Couture Homes Sdn Bhd dan Penaja ("Perjanjian Opsyen-Panggilan") pada harga pembelian yang dinyatakan dalam Perjanjian Opsyen-Panggilan. Opsyen- Panggilan boleh dilaksanakan pada bulan ke-49 selepas pemilikan undang-undang Aset Pajak (iaitu 1 Mac 2017) ("Tarikh Pemilikan Undang-Undang") oleh Penaja, iaitu 1 Mac 2021 dan berakhir pada bulan ke-50 dari Tarikh Pemilikan Undang-Undang, iaitu 1 April 2021.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Niaga, seksyen 10.5 Aku Janji Jualan, Item II, dalam perenggan keempat (ii) NU Empire: Opsyen-Panggilan telah diberikan untuk manfaat Couture Homes Sdn Bhd menurut atau berdasarkan perjanjian opsyen-panggilan bertarikh 1 Mac 2017 di antara Couture Homes Sdn Bhd dan Penaja ("Perjanjian Opsyen-Panggilan") pada harga pembelian yang dinyatakan dalam Perjanjian Opsyen-Panggilan. Opsyen- Panggilan boleh dilaksanakan pada bulan ke-49 selepas pemilikan undang-undang Aset Pajak (iaitu 1 Mac 2017) ("Tarikh Pemilikan Undang-Undang") oleh Penaja, iaitu 1 Mac 2021 dan berakhir pada bulan ke-50 dari Tarikh Pemilikan Undang-Undang, iaitu 1 April 2021.
17.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Niaga, seksyen 10.6 Aku Janji Bellan, dalam perenggan keenam Hanya bagi LF Logistics Warehouse dan Kolej Marlborough yang Penajanya memilih untuk tidak menguatkuasakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju bahawa ia menyedarinya dan akan menguatkuasakan hak penawaran dahulu tidak boleh batal yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak sedia ada, IDS Logistics Services (M) Sdn Bhd dan M East Sdn Bhd untuk memperoleh Aset Hartanah yang dikenali sebagai LF Logistics Warehouse dan Kolej Marlborough.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Niaga, seksyen 10.6 Aku Janji Bellan, dalam perenggan keenam Hanya bagi Kolej Marlborough sahaja di mana Penaja atau Ahli Gabungannya memilih untuk tidak menguatkuasakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju bahawa ia menyedari dan akan menguatkuasakan hak penawaran dahulu tidak boleh batal yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak sedia ada iaitu M East Sdn Bhd untuk memperoleh Aset Hartanah yang dikenali sebagai Kolej Marlborough.

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024 (SAMB.)

E. Perubahan Penting dalam Hal Ehwal Dana (samb.)

NO	PROPEKTUS PRINSIPAL (UTAMA)	PROSEKTUS TAMBAHAN KETIGA
18.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Nlaga seksyen 10.6 Aku Janji Belian, Item II dalam perenggan kelapan (ii) Empire Shopping Gallery: Opsyen-Panggilan telah diberikan untuk manfaat Couture Homes Sdn Bhd menurut dan pada harga pembelian yang dinyatakan dalam Perjanjian Opsyen-Panggilan. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada bulan ke-49 selepas pemilikan undang-undang Aset Pajak (iaitu 1 Mac 2017) ("Tarikh Pemilikan Undang-Undang") oleh Penaja, iaitu 1 Mac 2021 dan berakhir pada bulan ke-50 dari Tarikh Pemilikan Undang-Undang, iaitu 1 April 2021.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Nlaga seksyen 10.6 Aku Janji Belian, Item II dalam perenggan kelapan (ii) NU Empire: Opsyen-Panggilan telah diberikan untuk manfaat Couture Homes Sdn Bhd menurut dan pada harga pembelian yang dinyatakan dalam Perjanjian Opsyen-Panggilan. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada bulan ke-49 selepas pemilikan undang-undang Aset Pajak (iaitu 1 Mac 2017) ("Tarikh Pemilikan Undang-Undang") oleh Penaja, iaitu 1 Mac 2021 dan berakhir pada bulan ke-50 dari Tarikh Pemilikan Undang-Undang, iaitu 1 April 2021.
19.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Nlaga, seksyen 10.7 Aku Janji Penggantian, Item II dalam perenggan kelima (ii) Empire Shopping Gallery: Opsyen-Panggilan telah diberikan untuk manfaat Couture Homes Sdn Bhd. menurut dan pada harga pembelian yang dinyatakan dalam Perjanjian Opsyen-Panggilan. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada bulan ke-49 selepas pemilikan undang-undang Aset Pajak (iaitu 1 Mac 2017) ("Tarikh Pemilikan Undang-Undang") oleh Penaja, iaitu 1 Mac 2021 dan berakhir pada bulan ke-50 dari Tarikh Pemilikan Undang-Undang, iaitu 1 April 2021.	Bab 10 – Syarat Penting Dokumen Urus Nlaga, seksyen 10.7 Aku Janji Penggantian, Item II dalam perenggan kelima (ii) NU Empire: Opsyen-Panggilan telah diberikan untuk manfaat Couture Homes Sdn Bhd. menurut dan pada harga pembelian yang dinyatakan dalam Perjanjian Opsyen-Panggilan. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada bulan ke-49 selepas pemilikan undang-undang Aset Pajak (iaitu 1 Mac 2017) ("Tarikh Pemilikan Undang-Undang") oleh Penaja, iaitu 1 Mac 2021 dan berakhir pada bulan ke-50 dari Tarikh Pemilikan Undang-Undang, iaitu 1 April 2021.
20.	Bab 13 – Surat Penasihat Cukai Tentang Pencukalan Dana dan Pemegang Unit -Surat penasihat cukai-	Bab 13 – Surat Penasihat Cukai Tentang Pencukalan Dana dan Pemegang Unit -Surat penasihat cukai telah dikemas kini -
21.	Bab 14 – Pendapat Undang-undang oleh Nagqlz & Partners tentang Kebolehuatkuasaan Dokumen Urus Nlaga -Pendapat undang-undang-	Bab 14 – Pendapat Undang-undang oleh Nagqlz & Partners tentang Kebolehuatkuasaan Dokumen Urus Nlaga Pendapat undang-undang telah dikemas kini-

F. Komisen Ringan dan Rebat

Pengurus dan wakilnya tidak berhak menerima sebarang bentuk komisen ringan dan rebat atau berkongsi sebarang komisen dengan mana-mana broker sebagai balasan kepada urus niaga langsung dalam pelaburan Dana kecuali ia diterima dalam bentuk barangan dan perkhidmatan seperti sistem maklumat kewangan dan sebut harga saham yang ternyata bermanfaat dengan pengurusan pelaburan Dana. Semua urus niaga dengan broker dilaksanakan selaras dengan piawaian pelaksanaan terbaik.

Sepanjang tempoh kewangan dari 1 Oktober 2023 ke 31 Mac 2024, Pengurus dan wakilnya tidak menerima sebarang komisen ringan dan rebat dari broker atau pembekal. Bagaimanapun, Pengurus dan wakilnya telah menyimpan komisen ringan berbentuk barangan dan perkhidmatan seperti bahan kaji seldik dan perkhidmatan rundingan yang membantu di dalam proses berkaitan pelaburan Dana.

PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

**KEPADA PARA PEMEGANG UNIT
AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA ("Tabung")**

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD, telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2024 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, MAYBANK ASSET MANAGEMENT SDN BHD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
17 Mei 2024

PENYATA PENGURUS

KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA BAGI TEMPOR KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

Kami, Dr Hasnita Binti Dato' Hashim dan Muhammad Hishamudin Bin Hamzah, yang merupakan dua daripada Pengarah Maybank Asset Management Sdn Bhd ("Pengurus"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, penyata kewangan iringan yang dibentangkan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 134: Pelaporan Kewangan Interim dan Piawaian Perakaunan Antarabangsa 34: Pelaporan Kewangan Interim untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Amanah Hartanah Bumiputera pada 31 Mac 2024 dan mengenai prestasi kewangan, perubahan dalam aset bersih yang boleh diagihkan dan aliran tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2023 ke 31 Mac 2024 dan patuh kepada keperluan Surat Ikatannya.

Untuk dan bagi pihak Pengurus

Dr Hasnita Binti Dato' Hashim
Pengerusi

Muhammad Hishamudin Bin Hamzah
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
17 Mei 2024

LAPORAN PANEL PENASIHAT SYARIAH

KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

Kami mengesahkan perkara berikut:

1. Pada pengetahuan kami, setelah membuat semua pertimbangan yang wajar, Maybank Asset Management Sdn Bhd ("Pengurus") telah mengendalikan dan mengurus Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana") dalam tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan ini mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, keputusan atau keputusan yang berlaku yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang berkaitan dengan perkara-perkara Syariah; dan
2. Aset Dana terdiri daripada instrumen yang telah diklasifikasikan sebagai patuh Syariah.

Bagi pihak Penasihat Syariah Dana

Prof. Dr Aznan Bin Hasan
Pengerusi

Dr Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan
Ahli

Mohd Fadhly Md Yusoff
Ahli

Kuala Lumpur, Malaysia
17 Mei 2024

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

Laporan audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan Dana pada 31 Mac 2024, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam perubahan dalam aset bersih yang boleh diagihkan dan penyata aliran tunai Dana bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan yang material, seperti yang dibentangkan di muka surat 8 hingga 31.

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Mac 2024, dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") 134 - Interim Financial Reporting dan International Accounting Standard ("IAS") 34 - Interim Financial Reporting.

Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen 'Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan'. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas atau tidak berkaitan dengan Dana selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan Profesional (termasuk Standard Kemerdekaan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada laporan penyata kewangan dan juruaudit

Pengurus adalah bertanggungjawab untuk maklumat-maklumat lain. Ia merangkumi maklumat yang terkandung dalam laporan kewangan Dana, tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Pendapat kami terhadap penyata kewangan Dana tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA (SAMB.)

Maklumat selain daripada laporan penyata kewangan dan juruaudit (sambungan)

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Dana, tanggungjawab kami adalah membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, kami membuat pertimbangan sama ada maklumat itu adalah secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan Dana atau pengetahuan yang kami peroleh dari audit, atau sebaliknya, menunjukkan salah nyata yang ketara.

Sekiranya berdasarkan kerja-kerja yang kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam maklumat lain, kami dikehendaki melaporkannya. Sehubungan ini, kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah bagi penyata kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan Dana yang memberi gambaran benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Pengurus juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman berkaitan penyediaan penyata kewangan Dana yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Dana, Pengurus bertanggungjawab menilai keupayaan Dana untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika Pengurus berhasrat membubarkan atau menamatkan operasi Dana, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menyelia proses pelaporan kewangan Dana. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan bagi membolehkan penyata kewangan ini disediakan secara benar dan saksama.

Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA (SAMB.)

Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Dana untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Dana atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Dana untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Dana menunjukkan asas urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT
AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA (SAMB.)**

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk Pemegang Unit Dana, sebagai sebuah badan, mengikut Garis Panduan Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Yeo Beng Yean
03013/10/2024 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
17 Mei 2024

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

		01.10.2023 hingga 31.03.2024 RM	01.10.2022 hingga 31.03.2023 RM
	Nota		
PENDAPATAN PELABURAN			
Pendapatan dari aset-aset pajakan		109,073,817	103,518,730
Pendapatan keuntungan		2,355,853	1,571,448
Penerimaan Hibah		10,000,000	8,500,000
		<u>121,429,670</u>	<u>113,590,178</u>
PERBELANJAAN			
Yuran Pengurus	4	9,871,162	10,487,861
Yuran Pemegang Amanah	5	500,000	500,000
Imbuan juruaudit		9,270	13,600
Yuran ejen cukai		2,300	5,500
Yuran penasihat Syariah		36,000	39,000
Perbelanjaan pentadbiran		311,101	301,168
		<u>10,729,833</u>	<u>11,347,129</u>
Pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat		110,699,837	102,243,049
Perbelanjaan cukai pendapatan	6	-	-
Perbelanjaan zakat	7	(3,654,735)	(3,451,341)
Pendapatan bersih selepas cukai dan zakat, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan		<u>107,045,102</u>	<u>98,791,708</u>
Pendapatan bersih selepas cukai dan zakat terdiri daripada yang berikut:			
Pendapatan terealisasi bersih		<u>107,045,102</u>	<u>98,791,708</u>
Pengagihan bagi tempoh kewangan:			
Agihan bersih	12	<u>102,089,589</u>	<u>95,323,568</u>
Agihan kasar/bersih seunit (sen)	12	<u>2.20</u>	<u>2.20</u>
Tarikh agihan	12	<u>31 Mac 2024</u>	<u>31 Mac 2023</u>

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan yang diaudit.

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 MAC 2024

	Nota	31.03.2024 RM	30.09.2023 RM
ASET-ASET			
Aset-aset pajakan	8	4,771,000,000	4,621,000,000
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen	9	334,223,272	137,870,418
Pendapatan keuntungan belum terima		2,001,911	1,574,424
Tunai di bank		10,002,962	3,371
JUMLAH ASET		<u>5,117,228,145</u>	<u>4,760,448,213</u>
LIABILITI-LIABILITI			
Terhutang kepada Pengurus	10	1,026,315	1,830,925
Agihan perlu bayar		102,089,589	103,127,247
Peruntukan zakat		7,140,440	3,485,705
Pemiatang dan akruan lain		328,298	316,346
JUMLAH LIABILITI		<u>110,584,642</u>	<u>108,760,223</u>
NILAI DANA PADA KOS (“VOF”) DANA		<u>5,006,643,503</u>	<u>4,651,687,990</u>
ASET BERSIH YANG BOLEH DIAGIHKAN KEPADA PEMEGANG UNIT			
Modal pemegang unit	11(a)	5,000,000,000	4,650,000,000
Perolehan tertahan	11(b)	6,643,503	1,687,990
		<u>5,006,643,503</u>	<u>4,651,687,990</u>
UNIT DALAM EDARAN (UNIT)	11(a)	<u>5,000,000,000</u>	<u>4,650,000,000</u>
VOF SEUNIT (RM)		<u>1.00</u>	<u>1.00</u>

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan yang diaudit.

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH YANG BOLEH DIAGIHKAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

	Modal pemegang unit Nota 11(a) RM	Perolehan tertahan boleh diagihkan Nota 11(b) RM	Perubahan dalam aset bersih yang boleh diagihkan RM
Pada 1 Oktober 2023	4,650,000,000	1,687,990	4,651,687,990
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	-	107,045,102	107,045,102
Pewujudan unit	350,000,000	-	350,000,000
Agihan (Nota 12)	-	(102,089,589)	(102,089,589)
Pada 31 Mac 2024	5,000,000,000	6,643,503	5,006,643,503
Pada 1 Oktober 2022	3,850,000,000	1,886,514	3,851,886,514
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	-	98,791,708	98,791,708
Pewujudan unit	813,000,000	-	813,000,000
Pembatalan unit	(13,000,000)	-	(13,000,000)
Agihan (Nota 12)	-	(95,323,568)	(95,323,568)
Pada 31 Mac 2023	4,650,000,000	5,354,654	4,655,354,654

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan yang diaudit.

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

	01.10.2023 hingga 31.03.2024 RM	01.10.2022 hingga 31.03.2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN DAN PELABURAN		
Pembelian aset-aset pajakan (Nota 8)	(150,000,000)	(800,000,000)
Pendapatan dari aset-aset pajakan	109,073,816	103,518,730
Penerimaan Hibah	10,000,000	8,500,000
Penambahan deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal lebih daripada 3 bulan	(75,940,000)	(18,000,000)
Pendapatan keuntungan diterima	1,928,366	1,137,931
Yuran Pengurus dibayar	(10,675,773)	(10,161,667)
Yuran Pemegang Amanah dibayar	(500,000)	(500,000)
Lain-lain yuran dan perbelanjaan dibayar	(346,717)	(374,373)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	(116,460,308)	(715,879,379)

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Tunai diterima daripada unit pewujudan	350,000,000	813,000,000
Tunai dibayar bagi unit dibatalkan	-	(13,000,000)
Agihan dibayar kepada pemegang unit	(103,127,247)	(83,077,645)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan	246,872,753	716,922,355

PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA TEMPOH KEWANGAN TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TEMPOH KEWANGAN TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TEMPOH KEWANGAN

130,412,445	1,042,976
137,873,789	118,344,304
268,286,234	119,387,280

Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
Tunai di bank	10,002,962	1,390
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal kurang daripada 3 bulan (Nota 9)	258,283,272	119,385,890
	268,286,234	119,387,280

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan yang diaudit.

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2023 KE 31 MAC 2024

1. DANA, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana") ditubuhkan berikutan pelaksanaan Surat Ikatan bertariikh 20 Oktober 2010, Surat Ikatan Tambahan Pertama bertariikh 5 Januari 2011, Surat Ikatan Tambahan Kedua bertariikh 13 Julai 2012, Surat Ikatan Tambahan Ketiga bertariikh 11 September 2013, Surat Ikatan Tambahan Keempat bertariikh 7 Februari 2014, Surat Ikatan Tambahan Kelima bertariikh 20 Mac 2015, Surat Ikatan Tambahan Keenam bertariikh 5 Oktober 2020 dan Surat Ikatan Tambahan Ketujuh bertariikh 18 July 2022 (secara keseluruhan dirujuk sebagai "Surat Ikatan") antara Pengurus, Maybank Asset Management Sdn Bhd ("MAM"), AmanahRaya Trustees Berhad ("Pemegang Amanah") dan Pelaburan Hartanah Berhad ("Penaja"). Dana memulakan operasinya pada 29 November 2010 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah sebagaimana yang diperuntukkan di Bahagian 12 Surat Ikatannya.

Dana ini bertujuan menawarkan pemegang unit dengan aliran pendapatan tetap dan konsisten di samping mengekalkan modal para pemegang unit. Untuk mencapai matlamat pelaburannya, Dana melabur sekurang-kurangnya 34% daripada nilai dana pada kos ("VOF") terutamanya dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia yang dibeli daripada Penaja atau sekutu-sekutunya melalui pengaturan jualan dan pajakan semula (merujuk kepada "aset-aset pajakan") dan aset-aset pajakan ini disahkan oleh Panel Penasihat Syariah Dana sebagai patuh Syariah. Aset-aset pajakan adalah khususnya hartanah komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat komersial, logistik dan kompleks perindustrian.

Untuk meraih pendapatan secara tetap, aset-aset pajakan ini dipajak kembali kepada Penaja (dalam kapasiti Penaja atau sebagai peguam kepada sekutu-sekutunya) dan Penaja membayar sewa kepada Dana mengikut terma dan syarat kontrak pajakan. Pengurus mematuhi kriteria penilaian ketat yang disediakan Penasihat Syariah Dana untuk memastikan pendapatan sewa aset pajakan adalah patuh Syariah. Dana turut melabur sehingga 66% daripada VOF dalam instrumen pasaran wang patuh Syariah dan instrumen yang setara selain boleh memegang tunai bagi memenuhi keperluan kecairannya.

Semua pelaburan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Unit Amanah yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), keperluan-keperluan SC dan Surat Ikatan, kecuali terdapat pengecualian-pengecualian atau variasi-variasi yang diluluskan oleh SC, dasar dan prosedur dalaman dan objektif Dana.

1. DANA, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA (SAMB.)

Dana memulakan operasinya pada 24 November 2010 dan operasinya akan diteruskan sehinggalah ia ditamatkan oleh Pemegang Amanah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian 12 Surat Ikatannya.

Penaja Dana, Pelaburan Hartanah Berhad, adalah anak syarikat milik penuh Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera ("YAHB"), dan diperbadankan di Malaysia pada 8 Mei 2006. Penaja, merupakan cabang operasi YAHB, ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan pemilikan dan penyertaan Bumiputera dalam hartanah komersial.

Pengurus Dana ialah MAM, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Ia merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal ("CMSL") dengan pengurusan dana sebagai aktiviti terkawalanya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA"). Lokasi utama perniagaannya adalah di Tingkat 12, Menara C Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. MAM adalah anak syarikat Maybank Asset Management Group Berhad ("MAMG"). MAMG merupakan sebuah anak syarikat Malayan Banking Berhad ("MBB").

MAM telah melantik Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd ("MIAM") sebagai pengurus dana luar untuk pengurusan Dana. MIAM adalah sebuah anak syarikat milik penuh MAMG dan merupakan pemegang CMSL yang mengurus Dana berlandaskan Syariah di bawah Seksyen 61 Akta CMSA. Tugas dan tanggungjawab MIAM termasuk pengurusan portfolio berdasarkan objektif pelaburan yang ditetapkan, tertakluk kepada CMSA dan Garis Panduan Unit Amanah dan garis panduan lain yang berkaitan dikeluarkan SC serta terma-terma dan syarat-syarat perjanjian pengurusan pelaburan antara MIAM

Penyata kewangan ini telah diluluskan bagi pembentangan oleh Lembaga Pengarah Pengurus pada 17 Mei 2024.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Dana telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 134: Pelaporan Kewangan Interim ("MFRS 134") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan Piawaian Perakaunan Kewangan Antarabangsa 34: Pelaporan Kewangan Interim seperti mana dikeluarkan Lembaga Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") dan Garis Panduan Dana Unit Amanah yang berkenaan yang dikeluarkan oleh SC, diolah dengan pengecualian-pengecualian dan variasi-variasi spesifik yang telah diluluskan oleh SC.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.1 Asas penyediaan (samb.)

